



11 Januari 2022
11 January 2022
P.U. (A) 9

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN
(ELAUN MODAL DIPERCEPAT) (BAS PERSIARAN)
(PINDAAN) 2022

*INCOME TAX (ACCELERATED CAPITAL ALLOWANCE)
(EXCURSION BUS) (AMENDMENT) RULES 2022*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (ELAUN MODAL DIPERCEPAT)
(BAS PERSIARAN) (PINDAAN) 2022

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 154(1)(b) dan perenggan 10 dan 15 Jadual 3 kepada Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Bas Persiaran) (Pindaan) 2022**.

(2) Kaedah-Kaedah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2022.

Pindaan kaedah 1

2. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Elaun Modal Dipercepat) (Bas Persiaran) 2021 [*P.U. (A) 291/2021*] dipinda dalam subkaedah 1(2) dengan memotong perkataan “hingga tahun taksiran 2021”.

Pindaan kaedah 2

3. Subkaedah 2(2) dipinda—

(a) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “dan” di hujung perenggan itu:

(b) dengan menggantikan perenggan (c), dengan yang berikut:

“(c) bukan merupakan suatu bas persiaran yang dipulihkan; dan”

(c) dengan memasukkan selepas perenggan (c), perenggan yang berikut:

“(d) diperolehi dalam tempoh tahun taksiran 2020 hingga tahun taksiran 2024.”.